



SIARAN MEDIA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PENYERAHAN
DANA KHAS BANTUAN SEMASA PKP 3.0

IPOH, 16 Julai 2021 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengedarkan bantuan pakej tablet dan data internet kepada 2,000 orang pelajar tingkatan lima dari keluarga asnaf fakir miskin bernilai **RM1,200,000.00** mulai 12 Julai 2021 di seluruh negeri Perak. Tablet berserta pakej internet secara percuma selama enam bulan diagihkan secara terus kepada pelajar melalui pejabat-pejabat cawangan MAIPk di negeri Perak dengan kerjasama pejabat Orang Besar Jajahan daerah. Inisiatif bantuan dan kemudahan tablet dan data internet ini bertujuan membantu para pelajar mengikut sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dengan lebih berkesan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Shahrul Azam bin Shaari, bantuan tablet dan data internet ini merupakan salah satu dari sembilan jenis bantuan yang telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah yang telah menitahkan agar (MAIPk) menyediakan dana khas bantuan kepada golongan yang terkesan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) terutama dari kalangan asnaf fakir miskin pada 10 Jun 2021 yang lalu.

MAIPk telah menggariskan beberapa bantuan yang dijangka dapat memberi manfaat kepada golongan yang terjejas. Antara bantuan yang telah selesai disampaikan ialah seperti, sumbangan kepada 25 buah pusat jagaan anak yatim bernilai **RM308,000.00** bagi membantu pengoperasian pusat-pusat jagaan anak yatim yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat serta bantuan tajaan bekalan makanan institusi pendidikan bernilai **RM200,000.00** sebagai rizab untuk mahasiswa / mahasiswi di institusi pengajian tinggi di negeri Perak yang perlu menginap di tempat pengajian semasa tempoh PKP. Selain itu, MAIPk juga telah menyerahkan sumbangan kepada lima buah pusat jagaan warga emas dan orang kelainan upaya bernilai **RM49,600.00** untuk membantu operasi pusat jagaan warga emas dan orang kelainan upaya yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

MAIPk mendasarkan penyerahan bantuan ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh golongan yang terjejas. MAIPk juga mengajak masyarakat Islam terus menyokong MAIPk dan menunaikan ibadah zakat agar dana zakat sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan asnaf di negeri Perak. Tambah Shahrul Azam juga, MAIPk sentiasa komited dan cakna terhadap kesukaran yang dihadapi rakyat terutama dikalangan asnaf fakir miskin. Di tengah-tengah keprihatinan masyarakat Islam untuk membantu golongan yang terjejas semasa tempoh PKP, kita juga amat mengharapkan umat Islam tidak lupa terhadap kewajipan menunaikan ibadah zakat yang wajib, melalui zakat ramai asnaf telah terbukti dapat dibantu bukan sahaja untuk memenuhi keperluan seharian asnaf tetapi turut membantu mereka dalam bidang pendidikan, perubatan dan sebagainya, katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan.

(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

6 Zulhijjah 1442 / 16 Julai 2021

Diedarkan oleh:

Bahagian Korporat
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



Penghantaran terus ke rumah bantuan tablet dan data internet kepada salah seorang pelajar tingkatan 5 di Ipoh